



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
(CHIEF EXECUTIVE OFFICER/DIRECTOR GENERAL OF INLAND REVENUE)
IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL, ARAS 18
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-83138888
Faks : 03-83137801
: 03-83137802
: 03-83137803
: 03-83137804
: 03-83137805
: 03-83137806

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Pengarah Eksekutif
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
Unit B-13-1, Megan Avenue II
No. 12 Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
(u.p: En. Harvindar Singh A/L Chanan Singh)

Rujukan Kami : LHDN.AL.C.600-2/2/7

Tarikh : **31** Januari 2023

Tuan,

MAKLUM BALAS ISU PERTUKARAN LOG MASUK E-FILING ORGANISASI MELALUI MYTAX

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan bertarikh 18 Januari 2023 berkaitan perkara di atas.

2. Di bawah perenggan 75(1)(a) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, orang yang bertanggungjawab atau dibenarkan melaksanakan semua tindakan dan perkara yang perlu dilakukan oleh atau bagi pihak syarikat untuk tujuan akta ini adalah:

- 2.1 Pengurus atau lain-lain pegawai utama di Malaysia;
- 2.2 Pengarah;
- 2.3 Setiausaha; dan
- 2.4 Mana-mana orang (bagaimanapun gelarannya) yang menjalankan fungsi mana-mana orang yang dinyatakan di atas.

3. Bagi tujuan pengemukaan borang yang ditetapkan secara elektronik sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 152A ACP 1967 atau seksyen 82A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, orang yang dinyatakan di perenggan 2.1 hingga 2.4 di atas perlulah mempunyai sijil digital dengan peranan Organization e-Filing (OeF).

4. Mulai 1 Januari 2023, MyTax telah ditambah baik dengan beberapa ciri baharu bagi meningkatkan tahap keselamatan sistem dan kemudahan pengguna. Antaranya ialah:

- 4.1 Permohonan Nombor PIN sepenuhnya secara dalam talian;
- 4.2 Log masuk ke MyTax hanya menggunakan sijil digital individu; dan

- 2 -

4.3 Struktur Sijil Digital Individu telah dipertingkatkan dengan mewujudkan peranan OeF dan Pentadbir Harta Pusaka. Dengan perubahan ini, individu boleh mengakses MyTax secara *single sign-on* bagi menguruskan semua jenis fail cukai pendapatan yang berada di bawah tanggungjawabnya dengan menggunakan sijil digital yang sama.

5. Bagi memastikan MyTax dapat digunakan dengan lebih efisien, fungsi-fungsi tambahan juga sedang dibangunkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) seperti berikut:

5.1 Individu dengan peranan OeF boleh melakukan lantikan staf melalui MyTax. Staf perlu mempunyai Sijil Digital Individu terlebih dahulu dan perlu memilih syarikat / organisasi yang berkaitan di *dashboard* MyTax;

5.2 Individu dengan peranan Majikan (peranan baharu) boleh melakukan lantikan staf di bawah majikan berkenaan bagi tujuan pengemukakan Borang e-E, e-SPC dan akses kepada lejar majikan;

5.3 Akses ke Sistem Tax Agent e-Filing (TAeF) akan menggunakan log masuk individu melalui MyTax. Individu yang telah didaftarkan di bawah Sistem TAeF akan mendapat akses berdasarkan peranan yang ditetapkan oleh Pentadbir Sistem TAeF; dan

5.4 Lantikan ejen cukai melalui Borang CP55 akan dilakukan sepenuhnya secara dalam talian. Hanya ejen cukai yang mempunyai kelulusan yang sah dan masih dalam tempoh kelulusan sahaja boleh dilantik.

6. Penambahbaikan yang dinyatakan di perenggan 5.1 dan 5.2 dijangka boleh digunakan sebelum bulan Mac 2023, manakala bagi perenggan 5.3 dan 5.4 pula dijangka boleh digunakan pada suku ketiga tahun 2023. Penambahbaikan ini adalah sebagai usaha berterusan LHDNM untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai dan menjaga keselamatan data pembayar cukai.

7. Pihak LHDNM ingin mengingatkan bahawa pembayar cukai bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kerahsiaan sijil digital masing-masing serta tidak wajar untuk berkongsi ID dan kata laluan sijil digital berkenaan dengan individu lain. Ejen cukai juga disarankan menggunakan Sistem TAeF untuk mengemukakan Borang Nyata yang telah disediakan secara dalam talian bagi pihak pelanggannya sebagai usaha menyokong inisiatif digitalisasi yang telah disediakan oleh LHDNM.

- 3 -

8. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pegawai yang berikut:

8.1 **Puan Suriyanti binti Esa** (suriyanti@hasil.gov.my)

No. telefon: 03-8313 8888 samb. 21562

8.2 **Puan Rose Afdayanti binti Nasir** (roseafdayanti@hasil.gov.my)


No. telefon: 03-8313 8888 samb. 21553

9. Kerjasama dan perhatian tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



[DATUK DR. SOTIMIN BIN MUHALIP]

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian)

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia